

**PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA  
PENGKAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI  
[ HULU SELANGOR]**

**TARIKH : 5 OGOS 2020**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan usaha Kementerian bagi membantu dan membimbing usahawan muda yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan golongan muda yang ingin memulakan perniagaan ketika penularan wabak COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan agensi-agensi di bawahnya iaitu TEKUN Nasional, SME Corp., SME Bank, Bank Rakyat, UDA Holding, Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Institut Koperasi Malaysia (IKM) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memastikan usahawan terutamanya golongan muda mampu bertahan dalam menghadapi impak COVID-19.

- Antara inisiatif yang diambil dan dilaksanakan oleh MEDAC menerusi agensi-agensi di bawah kementerian adalah melalui penyediaan pembiayaan kepada usahawan, penangguhan bayaran balik atau moratorium pinjaman, latihan serta bimbingan keusahawanan secara dalam talian dan pelaksanaan program berimpak tinggi.

2. Antara program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian dan Agensi bagi membantu dan membimbing usahawan muda yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 di samping meningkatkan penyertaan golongan muda untuk menceburi bidang keusahawanan adalah seperti berikut:

- Technopreneurship Programs for Fresh Graduate***  
Program ini merupakan program rintis kerjasama di antara MEDAC dan MTDC bagi membangunkan kemahiran dan pengetahuan golongan muda yang terdiri daripada graduan IPT berkenaan teknologi 4.0 dan seterusnya berpotensi memberi peluang pekerjaan dan peluang kepada golongan muda berumur sehingga 25 tahun bagi menceburi bidang keusahawanan teknologi (*technopreneurship*). Program ini mensasarkan penyertaan sebanyak 600 peserta dari kalangan graduan dan bakal graduan.
- Tunas Usahawan Belia Bumiputra (TUBE)**  
Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) di bawah SME Corp. merupakan inisiatif bagi menggalakkan golongan muda khususnya Bumiputera bagi menceburi bidang perniagaan. Bagi pelaksanaan tahun 2020-2021, program ini dijangka akan melahirkan sekurang-kurangnya 900 usahawan baharu (mendaftarkan perniagaan apabila tamat program) dan mewujudkan 1,000 peluang pekerjaan baharu.
- Mobilepreneur**  
MEDAC melalui TEKUN Nasional juga turut menyokong perkembangan ekonomi gig di dalam ekosistem ekonomi

negara dengan mewujudkan program TEKUN Mobilepreneur bagi membantu individu khususnya golongan muda yang terkesan daripada wabak COVID-19 yang menyediakan pembiayaan khusus kepada individu yang berminat untuk melaksanakan perkhidmatan penghantaran dengan kerjasama syarikat penghantaran seperti GrabFood, Food Panda, BungkusIT dan lain-lain dengan pembiayaan maksimum adalah sehingga RM10,000 sebagai modal kerja, membaiki dan membeli motosikal.

3. MEDAC turut melaksanakan kerjasama strategik rentas Kementerian bersama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi mewujudkan peluang keusahawanan kepada golongan muda yang ingin memulakan perniagaan ketika penularan wabak COVID-19. Antara pelaksanaan inisiatif yang dirancang adalah:

- (i) New Gen Entrepreneur Online Bootcamp (N-Gene);
- (ii) Angsana Online “UDA Digital Mall”; dan
- (iii) Program Usahawan Belia Francais (YOUNITY)

4. Di samping itu, Kementerian melalui portal MyAssist akan menyediakan bimbingan perniagaan dalam talian kepada usahawan termasuk usahawan muda serta meningkatkan akses kepada informasi dan kemudahan serta fasilitasi keusahawanan.

Sekian, terima kasih.